

Kerjasama dengan JPS bendung banjir kilat

Kaji sistem parit Lembah Klang

Oleh FAHAMI AHMAD
fahami.ahmad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar akan bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengkaji semula sistem perparitan bagi mengelak banjir kilat.

Menterinya, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata, kerjasama itu bagi memastikan sistem itu mampu menampung jumlah air hujan yang banyak pada masa akan datang.

“Semalam (kelmarin) pasukan kecemasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak cepat menyelaraskan pemberian bantuan. Bancian dibuat bagi mengenal pasti jumlah kerugian,” katanya selepas merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang 2012 Yayasan Pendidikan Titiwangsa di sini semalam.

Menurut Raja Nong Chik, sebanyak 18 kawasan di sekitar Kuala Lumpur terjejas akibat banjir kilat antaranya Bandar Sri Permaisuri, Jalan Yaakob Latiff, Buatan Cheras, Salak Selatan, Sri



ROSAK. Beberapa pekerja membersihkan premis mereka akibat banjir kilat di Pekan Kajang semalam.

Rampai, Jalan Ipoh, Kepong, Jalan Tun Razak, Kampung Setia Jaya dan Setapak.

“Tanah runtuh juga berlaku di enam kawasan termasuk Taman Melati dan Seksyen 5, Wangsa Maju selain pokok tumbang,” katanya lagi.

Beliau berkata, kawasan yang paling teruk terjejas ialah Kampung Puah di Wangsa Maju yang melibatkan 176 mangsa dari 33 buah rumah.

Katanya, mangsa banjir di kawasan itu telah ditempatkan di Dewan Orang Ramai Kampung

Warga Lembah Klang cemas

Oleh NASRUL FAIZ ABU AZAL

KUALA LUMPUR – Hujan lebat telah dan akan datang di Lembah Klang semalam, menyebabkan banjir kilat merosot di beberapa kawasan.



KERATAN Kosmo! semalam.

Puah sementara menunggu banjir surut dan menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Persatuan Bulan Sabit Merah.

Sementara itu, tinjauan di premis perniagaan di Pekan Salak Selatan dan Pekan Kajang semalam, mendapati peniaga yang terlibat dalam banjir kilat masih belum beroperasi.

Rata-rata peniaga dan pekerja sibuk membersihkan kekotoran dan lumpur di premis masing-masing.

Pemilik perniagaan alat timbang, **Leong Sek Chiew**, 68, berkata, premisnya tidak beroperasi semalam kerana banyak barangnya yang rosak.

“Banjir kilat yang berlaku kali ini paling teruk sepanjang 15 tahun saya berniaga di sini kerana ia berlaku sangat cepat dan airnya dalam.

“Banyak alat penimbang yang rosak dan terpaksa dikeluarkan dari kedai untuk dijemur,” ceritanya di sini semalam.

Bagi pekerja kedai cermin, **Lai Shoo Kuan**, 28, pula, anggaran kerugian hampir RM200,000 dialaminya kerana beberapa kenderaan syarikat dan mesin pemprosesan rosak.

“Kebanyakan cermin pecah kerana terjatuh apabila terdapat ombak kecil berlaku semasa banjir.

“Walaupun telah membersihkan kedai selepas kejadian, ia masih tidak selesai kerana terlalu banyak peralatan besar yang rosak masih belum dikeluarkan lagi,” katanya.

Sementara itu, berdasarkan ramalan cuaca oleh Jabatan Meteorologi Malaysia mendapati kemungkinan berlaku ribut petir pada sebelah petang di beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang sepanjang minggu ini.